

**MINIT MESYUARAT
CADANGAN PEMBINAAN MASJID DI ALAM SARI
KAJANG SELANGOR
MESYUARAT NO. 03/2019**

TARIKH : 7 September 2019 (Sabtu)
7 Muharram 1441
MASA : 9.00 pagi
TEMPAT : DEWAN SOLAT, SURAU AL AMIN ALAM SARI

Bahawa, suatu notis menyuarat telah dikeluarkan oleh Sdr Hafidz melalui pesanan Kumpulan Whatapps Protem Masjid Alam Sari pada 27 Ogos 2019 bagi membincangkan agenda-agenda seperti berikut;

Agenda Mesyuarat;

1. Pemilihan & Perlantikan AJK Protem Masjid
2. Cadangan Nama Masjid
3. Cadangan Konsep, Rekabentuk, Anggaran Kos & Fasiliti Masjid
4. Pemilihan & Perlantikan Akitek & Juruperunding
5. Lain-lain perkara berbangkit

Kehadiran;

** Kehadiran penduduk adalah seperti di **Lampiran A**

No	Agenda Dibincangkan	Info/Tindakan Oleh
1.0	<u>Pendahuluan</u>	
1.1	Mesyuarat bermula pada jam 9.30 pagi dan dipengerusikan oleh Sdr Hafidz dengan memberikan kata-kata aluan dengan mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk di atas kehadiran mereka pada mesyuarat pagi ini.	
1.2	Tujuan mesyuarat pada hari ini adalah bagi mendapatkan kerjasama penduduk dalam merealisasikan penubuhan masjid di Alam Sari. Beliau juga memohon agar kita semua dapat membulatkan tekad dan membetulkan niat dalam mencari keredhaan serta ganjaran pahala daripada Allah s.w.t dalam usaha pembinaan masjid ini kelak.	Info
1.3	Pelbagai cabaran akan dihadapi di dalam membina rumah Allah ini maka mereka yang terpilih diharap dapat memberikan kerjasama dan sesungguhnya setiap amalan dan tindakan yang kita lakukan bermula daripada niat masing-masing.	

1.4	Sdr Hafidz seterusnya melanjutkan ucapan dengan memetik satu hadis diriwayatkan oleh Abi Hafs Umar bin Al Khattab r.a yang mana secara ringkasnya bermaksud; <i>setiap perbuatan tergantung niatnya dan setiap orang akan dibalas berdasarkan apa yang telah diniatkan.</i>	
1.5	Sehubungan itu Sdr Hafidz memohon agar semua pihak berlapang dada dengan segala keputusan yang akan diambil di dalam mesyuarat ini dan akan datang memandangkan akan ada pandangan yang akan diterima dan sebaliknya dalam memutuskan sesuatu perkara. Perbincangan secara ilmiah amat digalakkan di dalam 'Group Whatsapps' tetapi keputusan akhir akan diputuskan melalui mesyuarat sahaja.	Info
1.6	Beliau seterusnya meminta pengerusi Protam, YBhg Dato Sayed Jaafar bagi memberikan sedikit mukadimah sebelum memulakan mesyuarat pada pagi ini.	
1.7	YBhg Datuk Sayed Jaafar memulakan ucapan dengan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir serta kepada Pengerusi Surau Al Amin (Sdr Ruhaizan), para AJK Surau serta wakil-wakil taman Alam Sari. Beliau seterusnya memohon kepada penduduk yang hadir supaya dapat menyumbang dari segala segi bagi merealisasikan penubuhan masjid yang dijangka akan disiapkan pada 2023.	
1.8	Proses membina masjid memerlukan sokongan penuh penduduk maka diharapkan kerja 'Fisabilillah' ini dapat dilaksanakan dengan baik dan terurus memandangkan pihak pemaju telah memperuntukkan tapak bagi pembinaan masjid seluas 3.51 ekar di Alam Sari.	
	Maka kesempatan ini perlulah digunakan sebaiknya dan kita perlu merancang dengan mengikut segala proses dan prosedur yang ditentukan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi melancarkan penubuhannya.	
1.9	YBhg Datuk memaklumkan bahawa mesyuarat pada pagi ini adalah bagi memutuskan keahlian bagi Protam masjid, nama masjid serta lain-lain kehendak pihak JAIS seperti yang diminta di dalam borang permohonan. Ini bagi memenuhi syarat supaya Masjid di Alam Sari ini boleh dibawa ke mesyuarat JAIS pada November akan datang dan seterusnya dipertimbangkan kelulusannya untuk dimulakan gerak kerja seperti pengumpulan dana serta proses perlantikan kontraktor dan juruperunding bagi pembinaan masjid. Beliau seterusnya menyerahkan kepada Sdr Hafidz bagi memulakan agenda mesyuarat pada hari ini.	Info

2.0	<u>Pemilihan & Perlantikan Protem Masjid Alam Sari</u>	
2.1	Sdr Hafidz telah memberikan sedikit penerangan berkaitan lokasi dan luas tapak masjid yang telah diperuntukkan oleh pihak pemaju iaitu terletak di sebelah Bulatan Alam Sari di Persiaran Alam Sari 2 (bersebelahan Galeri Jualan Setia Alamsari) dengan keluasan tapak iaitu 3.51 ekar (14,217 mp)	Info
2.2	Seterusnya beliau menjelaskan secara ringkas berkaitan dengan perancangan pembinaan masjid ini yang melibatkan proses/aktiviti dan jangkaan tempoh masa seperti di Lampiran B . Bagi memenuhi kehendak prosedur JAIS, urusan pemilihan AJK Protem serta Cadangan Awalan/Deraf konsep dan rekabentuk masjid akan diselesaikan pada mesyuarat hari ini dan seramai 14 AJK perlu dilantik untuk dimajukan kepada pihak JAIS.	Proses/aktiviti terlibat akan diperkemas dari semasa ke semasa – Sdr Hafidz
2.3	Tabung Wakaf akan dibentuk setelah permohonan pendaftaran diluluskan oleh JAIS dan setelah itu barulah kutipan dana boleh digerakkan bagi mendapat pembiayaan bagi pembinaan masjid ini.	Melihat prosedur penubuhan Tabung Wakaf – Sdr Hafidz
2.4	Maka pemilihan dan perlantikan AJK Protem telah diputuskan melalui undian seperti keputusan berikut;	Info
2.5	<u>JAWATAN: Pengerusi</u> Calon: YBhg Dato’ Sayed Jaafar Sayed Ibrahim (Iltizam IV) – Undian Sebulat Suara Pencadang: Sdr Hafidz Kudus (Puisi III) Penyokong: Sdr Mohd Zawawi Awang (Ilham II)	
2.6	<u>JAWATAN: Timbalan Pengerusi</u> Calon 1: Dato’ Fadzillah Mohd Salleh (Ilmia III) – Jumlah Undian 13 Pencadang: Sdr Hafidz Kudus (Puisi III) Penyokong: Sdr Hamidul Ghazali Mohamed (Ilmia I) Calon 2: Dato’ Mohd Rodzi Ismail (Ilham II) – Jumlah Undian 5 Pencadang: Sdr Mohd Azren Abdul Aziz (Ilmu II) Penyokong: Sdr Hafidz Kudus (Puisi III) Calon 3: Sdr Wan Shaifuddin (Imam) – (Ilmia I/Serene Heights) – Jumlah Undian 6 Pencadang: Mohd Fahmi Belaldin (Ilmia I) Penyokong: Nik Husideen Nik Hussain (Iltizam I)	
2.7	<u>JAWATAN: Setiausaha</u> Calon: Sdr Hafidz Kudus (Puisi III) – Undian Sebulat Suara Pencadang: Sdr Jais Basiran (Ilmia III) Penyokong: Sdr Hamidul Ghazali Mohamed (Ilmia I)	
2.8	<u>JAWATAN: Penolong Setiausaha (Pengurusan)</u> Calon: Sdr Dr Shafie (Ilham I) – Undian Sebulat Suara Pencadang: Sdr Hafidz Kudus (Puisi III) Penyokong: Sdr Hamidul Ghazali Mohamed (Ilmia I)	

2.9	<p><u>JAWATAN: PENOLONG SETIAUSAHA (TEKNIKAL)</u> Calon: Sdr Hamidul Ghazali Mohamed (Ilmia I) - Undian Sebulat Suara Pencadang: Sdr Hafidz Kudus (Puisi III) Penyokong: Sdr Dr Shafie (Ilham I)</p>	
2.10	<p><u>JAWATAN: BENDAHARI</u> Calon: Mohd Tariq Mohamed (Ilmia I) – Undian Sebulat Suara Pencadang: Sdr Hafidz Kudus (Puisi III)</p>	
2.11	<p><u>JAWATAN: PENOLONG BENDAHARI</u> Calon: Sdr Muhammad Fadili Mohd Salleh (Ilham II) – Undian Sebulat Suara Pencadang: Sdr Mohd Zawawi Awang (Ilham II)</p> <p>Manakala Sdr Hafidz telah mencadangkan bahawa semua Pengerusi Persatuan Penduduk (RA) di Alam Sari iaitu berjumlah 8 RA adalah dilantik secara automatik sebagai AJK Protem dan cadangan ini telah dipersetujui oleh mereka yang hadir.</p> <p>Senarai Persatuan Penduduk (RA) adalah seperti berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Persatuan Penduduk Ilmia I 2. Persatuan Penduduk Ilmia II,III&IV 3. Persatuan Penduduk Ilham I 4. Persatuan Penduduk Ilham II 5. Persatuan Penduduk Itizam I 6. Persatuan Penduduk Itizam III&IV 7. Persatuan Penduduk Ilmu I&II 8. Persatuan Penduduk Puisi 	<p>Pemakluman kepada semua Pengerusi Persatuan Penduduk – Sdr Hafidz</p> <p>Info</p>
2.12	<p>Manakala nama-nama lain yang telah diundi untuk dilantik sebagai AJK Protem adalah seperti berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sdr Ir Mohd Shahrman (Ilham I) 2. Sdr Mohd Zawawi Awang (Ilham II) 3. Sdr Jais Basiran (Ilmia III) 4. Mohammad Irfan Ahmad Zaki (Puisi III) 5. Mohd Azren Abdul Aziz (Ilham II) 6. Jamaludin Abu Bakar (Ilmia I) 	<p>Info</p>
2.13	<p>Bagi membentuk AJK teknikal kelak, kita akan mengenalpasti bidang kepakaran individu dan pengalaman dalam pembinaan memandangkan skop kerja teknikal adalah antara bahagian yang paling rumit dan memerlukan penelitian dan kerjasama semua pihak. Nama-nama lain akan dicadang setelah calon dikalangan kariah dikenalpasti dan mendapat persetujuan mereka.</p>	<p>Melihat skop teknikal – C&S, M&E, QS dll – AJK Teknikal</p> <p>Kenalpasti calon bersesuaian bagi AJK Teknikal – Sdr Hamidul</p>

2.14	Sdr Hafidz telah mencadangkan Sdr Arman (Ilham I) untuk dilantik bagi mengetuai bahagian Teknologi Maklumat (IT) manakala Ybhg Dato' Sayed Jaafar mencadangkan untuk melantik Tn Imam Wan Shaifuddin sebagai penasihat undang-undang dan semua cadangan ini mendapat sokongan sebulat suara.	Info
3.0 3.1	<p><u>Cadangan Nama Masjid</u></p> <p>Sdr Hafidz memulakan agenda kedua mesyuarat dengan membentangkan nama-nama masjid yang telah dicadangkan oleh ahli serta meminta pencalon memberikan sedikit informasi dan justifikasi pemilihan nama-nama tersebut dicadangkan oleh pencalon seperti berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Nama Masjid: Masjid Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Pencadang: Sdr Hamidul Ghazali Mohamed (Ilmia I) Nama masjid dicadang sempena nama Ketua Agama Islam Selangor iaitu diketuai oleh Sultan Selangor yang juga ketua agama Islam. Pemilihan nama ini adalah sebagai strategi yang mana diharapkan pihak JAIS dapat memberikan keutamaan dan bajet serta kelulusan dan proses lebih mudah diperolehi memandangkan nama masjid sempena nama Sultan Selangor. Juga dipercayai tiada lagi masjid di Selangor yang menggunakan nama ini. 2. Nama Masjid: Masjid Ar Rayyad Al Amin Pencadang: Sdr Nazeri Osman (Iltizam III) Nama masjid dicadang bagi maksud bendera perang Nabi yang sentiasa berkibar disetiap peperangan yang disertai oleh Nabi sepanjang hayat baginda. Diharapkan dengan nama ini maka masjid kita sentiasa gah dengan syiar Islamnya kelak serta simbol penyatuan di bawah panji-panji Islam 3. Nama Masjid: Masjid Tabarak Pencadang: Sdr Hafidz Kudus (Puisi III) Nama dicadang bermaksud 'Berkat' dan terdapat 9 kali nama ini disebut di dalam Al-Quran. Diharapkan nama masjid ini bukan sahaja sebagai tempat tumpuan orang ramai tetapi sebagai tempat mereka 'menyucikan diri' 4. Nama Masjid: Masjid Baitur Rahman Pencadang: Muhammad Fadili Mohd Salleh (Imam)(Ilham II) Nama dicadang seperti di dalam Asma Al-Husna iaitu antara nama-nama Agung Allah s.w.t serta dinyatakan di dalam Al-Quran dan diharap ia kita semua mendapat kasih sayang Allah dalam mengimarahkan masjid sebagai pusat dakwah dan syiar Islam. 	Info

<p>3.2</p> <p>3.3</p> <p>3.4</p>	<p>5. Nama Masjid: Masjid Ar Rayyan Pencadang: Sdr Jais Basiran (Ilmia II) Membawa maksud 'pintu syurga' agar mereka yang hadir seperti mendapat ganjaran syurga melalui amalan-amalan yang telah dilakukan.</p> <p>6. Nama Masjid: Masjid Alam Sari Pencadang: Sdr Nik Husideen (Iltizam I) Nama dicadang sempena dengan lokaliti masjid ini terletak iaitu di dalam kawasan pembangunan (township) di Alam Sari serta ia lebih mudah dicari oleh orang ramai.</p> <p>Sdr Sabri (Ilmu II) berpandangan bahawa nama-nama yang akan diputuskan kelak hendaklah praktikal, mempunyai ciri-ciri budaya Melayu serta tidak dipermainkan kerana mungkin ada sesetengah pihak yang tidak memahami maksud disebalik nama yang akan diberikan.</p> <p>Setelah undian secara rawak dibuat, mesyuarat memutuskan bahawa cadangan nama masjid nombor 1 & 2 akan dikeluarkan dari senarai dan selebihnya akan dibuat undian oleh mereka yang hadir. Keputusan undian adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Masjid Baitur Rahman – Jumlah Undian 15 2. Masjid Alam Sari – Jumlah Undian 14 3. Masjid Tabarak – Jumlah Undian 10 4. Masjid Ar Rayyan – Jumlah Undian 4 <p>Dengan ini mesyuarat sebulat suara memutuskan nama masjid yang akan dipilih ialah MASJID BAITUR RAHMAN. Sdr Hafidz memaklumkan nama masjid ini akan dimajukan kepada pihak JAIS dan sekiranya pihak JAIS tidak bersetuju dengan nama ini maka nama kedua tertinggi akan terus dipilih dan begitulah seterusnya tanpa merujuk kepada AJK.</p>	<p>Info</p> <p>Info</p>
<p>4.0</p> <p>4.1</p> <p>4.2</p>	<p><u>Cadangan Konsep, Rekabentuk, Anggaran Kos & Fasiliti Masjid</u></p> <p>Mesyuarat seterusnya membincangkan tentang cadangan konsep, rekabentuk dan anggaran kos pembinaan serta cadangan fasiliti masjid yang akan dibangunkan. Sdr Hafidz memaklumkan bahawa pada peringkat ini hanya gambaran secara kasar sahaja diperlukan bagi memenuhi prosedur pendaftaran borang permohonan kepada JAIS.</p> <p>Butir-butir terperinci hanya akan disediakan oleh AJK teknikal setelah perlantikan Akitek dan Juruperunding dibuat secara rasmi.</p> <p>Buat masa ini, kita akan meminta wakil Akitek (Pn Norazlin) bagi memberikan cadangan rekabentuk yang akan diguna pakai bagi membuat pendaftaran di JAIS.</p>	<p>Input daripada AJK Teknikal – Sdr Hamidul</p>

<p>4.3</p> <p>4.4</p> <p>4.5</p>	<p>Beberapa maklum balas diterima daripada yang hadir dan secara umumnya, konsep dan rekabentuk yang dicadangkan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Konsep terbuka dan masjid dalam taman/landskap (Open concept) 2. Berlandaskan ciri-ciri kelestarian (sustainable) 3. Menggunakan solar bagi penjimatan tenaga elektrik 4. Rekabentuk moden dan kurang kubah 5. Masjid dua tingkat 6. Kurang penyelenggaraan <p>Sdr Jais mencadangkan Akitek perlu dilantik bagi memberikan beberapa cadangan rekabentuk (Design Proposal) hasil daripada maklum balas daripada Jawankuasa nanti.</p> <p>YBhg Datuk Sayed mencadangkan isu-isu teknikal ini dibincangkan lebih lanjut lagi serta input daripada jawankuasa teknikal adalah perlu bagi perbincangan seterusnya. Manakala, kos pembinaan akan dianggarkan secara kasar terlebih dahulu bagi maksud pendaftaran borang kepada JAIS serta cadangan fasiliti masjid juga akan diperkemaskan nanti.</p>	<p>Info – perbincangan lanjut oleh AJK Teknikal</p> <p>AJK Teknikal</p>
<p>5.0</p> <p>5.1</p> <p>5.2</p> <p>5.3</p> <p>5.4</p> <p>5.5</p>	<p><u>Pemilihan & Perlantikan Akitek & Juruperunding</u></p> <p>Sdr Hafidz memaklumkan pemilihan dan perlantikan Akitek seperti dicadangkan pada perkara 4.4 hanya akan dibuat secara rasmi setelah kelulusan permohonan diperolehi daripada pihak JAIS serta Tabung Pembinaan (Fund) telah mencapai 50% daripada kos pembinaan masjid.</p> <p>Oleh yang demikian pada peringkat ini hanya 'sketch drawing' and 'estimate budget' yang akan disediakan oleh Pn Norazlin sahaja yang akan disertakan di dalam borang permohonan kepada JAIS.</p> <p>Pemilihan dan perlantikan Akitek, Juruperunding (Consultants) serta kontraktor utama (Main Contractor) akan diserahkan kepada AJK Teknikal kelak dan akan dibawa ke Mesyuarat Protem akan datang.</p> <p>Kaedah pembinaan masjid sama ada melalui 'Design & Build' atau kaedah konvensional juga akan diperincikan dengan melihat kepada "Pro & Cons" sebelum keputusan akhir dicapai.</p> <p>Sdr Jais mencadangkan sebelum perlantikan rasmi Akitek, Juruperunding serta Kontraktor Utama dibuat kelak, lawat periksa tapak (site visit) perlu diadakan ditapak bina yang dikendalikan oleh mereka bagi melihat kualiti pembinaan yang dilaksanakan.</p>	<p>Info</p> <p>Info</p> <p>AJK Teknikal - Kenalpasti Akitek, Juruperunding & Kontraktor Utama AJK Teknikal</p>

<p>6.0</p> <p>6.1</p> <p>6.2</p>	<p><u>Lain-lain Perkara Berbangkit</u></p> <p>Sdr Hafidz memaklumkan bahawa mesyuarat akan datang akan membincangkan lebih lanjut berkaitan konsep, rekabentuk serta fasiliti masjid dan dijangka akan diadakan pada 2 November 2019 tertakluk kepada perubahan.</p> <p>Sdr Azreen (Ilmu II) mencadangkan tentatif aktiviti/proses seperti dibentangkan Sdr Hafidz ditambah dengan adanya tarikh mula & tarikh akhir bagi memudahkan pemantauan dan lebih mudah difahami.</p> <p>Beliau juga mencadangkan jika mesyuarat seterusnya dapat diadakan sebelum 2 November.</p>	<p>Info</p> <p>Pindaan jadual proses/aktiviti – Sdr Hafidz</p> <p>Tertakluk kpd perkembangan akhir – Sdr Hafidz</p>
<p>7.0</p> <p>7.1</p> <p>7.2</p>	<p><u>Penangguhan Mesyuarat</u></p> <p>Mesyuarat telah ditangguhkan lebih kurang pada pukul 12.00 tengah hari oleh Sdr Hafidz dengan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir bagi menjayakannya.</p> <p>YBhg Datuk Sayed Jaafar juga mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih di atas perlantikan beliau sebagai Pengerusi Protem Masjid Baitur Rahman dan semua yang terlibat serta berharap hasrat murni kita ini mendapat sokongan dan diberkati Allah s.w.t serta kesepaduan Jemaah bagi menjayakan projek pembinaan masjid ini.</p> <p>Mesyuarat diakhiri dengan bacaan doa oleh Imam Fadili.</p>	<p>Info</p>

Pencatat Minit: Sdr Hamidul Ghazali Mohamed

SEKIAN TERIMA KASIH

LAMPIRAN A

**SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT PROTEM MASJID ALAM SARI
SABTU 9.00 PAGI: 7 SEPTEMBER 2019/7 MUHARRAM 1441H
BERTEMPAT DI SURAU AL-AMIN ALAM SARI**

BIL	NAMA PENUH	ALAMAT	CONTACT NO	EMAIL
1	Hamidul Ghazali bin Mohamed	35, Jalan Sari Ilmia 1/2	0192220088	ghazali.ipc@gmail.com
2	Dato' Sayed Jaafar bin Sayed Ibrahim	64, Jln Sastera 1/2	0139052639	dsjsi1949@gmail.com
3	Ruhaizan bin Abdul Rahman	16, Jln Sari Ilham 1/1	0133311731	ruhaizan5@gmail.com
4	Mohd Azren bin Abdul Aziz	41, Jln Sari Ilmu 1/2	0193303786	azren3786@gmail.com
5	Dato' Fadzilah bin Mohd Salleh	112A, Jln Sari Ilmia 2/3	0193201806	laksma.fadz@gmail.com
6	Muhammad Fadili bin Mohd Salleh	93, Jln Sari Ilham 1/4	0199988006	fadili5086@gmail.com
7	Jais bin Basiran	73, Jln Sari Ilmia 2/3	0197550811	jaisbasiran@yahoo.com
8	Mohd Shukri bin Ahmad	22A, Jln Sari Iltizam 1/3	0123306850	shukasrs@gmail.com
9	Mohd Tariq bin Mohamed	83, Jln Sari Ilmia 2/4	0177707001	mohdtariqm@gmail.com
10	Mohd Zawawi bin Awang	83, Jln Sari Ilham 2/4	0123675939	mohd_zawawi@yahoo.com
11	Nik Husideen bin Nik Hussain	32, Jln Sari Iltizam 1/3	0194759940	nikhusideen@gmail.com
12	Dato' Mohd Rodzi bin Ismail	150, Jln Sari Ilham 1/4	0192806568	rodzismail@yahoo.com
13	Arman bin Othman	32A, Jln Sari Ilham 1/1	0123050486	armanot@gmail.com
14	Mohammad Irfan bin Ahmad Zaki	103, Jln Puisi 1/7	0197203343	irfanbsuitm@gmail.com
15	Muhammad Rashid bin Narayanan	76, Jln Puisi 1/3	0192853063	rashid828@gmail.com
16	Mohamad Fahmi bin Belaidin	22, Jln Sari Ilmia 1/2	0123629463	fahmibela75.fb@gmail.com
17	Hisham bin Bachek	48, Jln Sari Ilmia 2/2	01110667237	hisham.bachek@gmail.com
18	Yaacob bin Ibrahim	15, Jln Sari Ilmia 2/2	0163020679	-
19	Sham Sull Azhar bin Abdullah	14, Jln Sastera 1/1	0193844040	shamsull75@gmail.com
20	Abd Khalit bin Abd Aziz	9, Jln Sastera 1/1	0128227499	abd Khalitabdaziz@gmail.com

21	Azmin bin Mohd Rashidi	6, Jln Iltizam 1/2	0132219491	azminRashidi@gmail.com
22	Suhaimi bin Azizan	45, Jln Sari Ilmu 1/2	0195294783	Suhaimi.Azizan@gmail.com
23	Mohd Shahrman	30, Jln Sari Ilham 1/1	01121180172	-
24	Mohd Nazeri bin Osman	15, Jln Sastera 1/1	0123198713	-
25	Mohd Sabri bin Rawi	48, Jln Sari Ilmu 1/3	0127905375	sabri@iclif.org
26	Jamaludin bin Abu Bakar	60, Jln Sari Ilmia 1/4	0196639450	jamaludin@tnb.com
27	Abdul Hafidz bin Kudus	48, Jln Puisi 1/7A	0123388864	Hafidz1956@yahoo.com
28	Mohd Shafie bin Mustafa	2, Jln Sari Ilham 1/1	0127746779	mputra@gmail.com

LAMPIRAN B

#	JANGKAAN AKTIVITI/PELAN TINDAKAN	JANGKAAN TEMPOH MASA	JANGKAAN TARIKH MULA DAN AKHIR
1	Pemilihan Protem Committee 1.1 Cadangan Kertas Kerja 1.2 Anggaran Kos Pembinaan 1.3 Submission kepada JAIS	60 hari	7/9/2019 - 31/10/2019
2	Kelulusan JAIS	90 hari	1/11/2019 - 31/1/2020
3	Penubuhan Tabung Wakaf untuk Kutipan Dana	30 hari	1/2/2020 - 29/2/2020
4	Kutipan awalan dana 50% untuk memulakan projek Pembinaan Masjid	12 bulan	1/3/2020 - 28/2/2021
5	Perlantikan Rasmi Arkitek dan Jururunding	2 bulan	1/3/2021 - 30/4/2021
6	Perlantikan Main Contractor dan kelulusan (pihak berkuasa MPKj, Bomba dll)	6 bulan	1/5/2021 - 30/11/2021
7	PEMBINAAN MASJID BERMULA (Site Possession by Main Contractor)		1/12/2021
8	PEMBINAAN BERAKHIR 8.1 Bayaran penuh dan akhir kepada Kontraktor 8.2 Penyerahan Masjid kepada Protem Committee (Handing Over to Client)	18 bulan	1/12/2021 - 30/6/2023
9	PERASMIAN MASJID • TEMPOH JANGKAAN MASA	44 BULAN (3 TAHUN 8 BULAN)	JULAI 2023